

16 MAY 1996

PENGELUAR TV TEMPATAN HARAPKAN PASARAN MALAYSIA

Oleh: Salbiah Said

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Anggun Permai Industries Sdn Bhd, pengeluar set televisyen dan sistem audio-visual rumah yang mendapat sambutan hangat di Rusia dan Uzbekistan kini menaruh harapan kepada pasaran tempatan.

"Kami berharap diberi kemudahan kredit oleh bank-bank tempatan bagi membolehkan kami meluaskan operasi dan memasarkan produk keluaran kami secara agresif di pasaran tempatan dan seberang laut," kata pengarah eksekutif syarikat berkenaan Tengku Ngah Putra bin Tengku Ahmad Tajuddin kepada Bernama di Zagreb, Croatia, baru-baru ini.

Anggun Permai adalah antara 28 syarikat Malaysia yang menyertai Pameran Keluaran Malaysia '96 yang berlangsung selama lima hari mulai 16 April di Di Zagreb, Anggun Permai menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Niva Trgovina untuk memasang dan mengedar sistem "Nikom" di Croatia dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melakukan kunjungan rasmi sehari ke rublik itu.

Menurut MoU tersebut, Anggun Permai akan membekalkan komponen dan memindahkan teknologi kepada Niva yang memiliki sebuah kilang di Zagreb. Pada peringkat permulaan, Anggun Permai akan mengirim 2,000 peti televisyen pelbagai saiz dan sistem AV rumah kepada Niva.

Perkara ini, bagaimanapun, bergantung kepada kelulusan pinjaman yang dikemukakan kepada bank-bank Malaysia, kata Tengku Ngah Putra sambil menambah bahawa beliau akan membuat susulan kepada Matrade apabila terdapat perkembangan terbaru mengenai perkara itu.

Beliau seterusnya berharap akan dapat menandatangani perjanjian usaha sama dengan Niva mengenai projek berkenaan dalam mana Anggun Permai akan memegang saham majoriti.

Di Lembah Klang, jenama Nikom keluaran syarikat itu dari kilangnya di Klang dikenali oleh ramai pengguna barangan elektronik.

Set televisyen dan sistem AV rumah Nikom lebih murah berbanding jenama lain, jelas beliau.

Walaupun turut menerima pesanan dari Sabah, Pahang dan Pulau Pinang, syarikat itu terpaksa menolaknya kerana menghadapi kekangan kewangan untuk mempertingkatkan keluaran.

Anggun Permai juga menerima pertanyaan mengenai produk keluarannya dari Iran, Kuwait, Slovenia, Macedonia, Jerman dan Bosnia.

Anggun Permai adalah sebuah syarikat tidak aktif ketika ia dibeli oleh Tengku Ngah Putra, 28, dan adiknya pada awal 1992 untuk dijadikan sebuah syarikat perniagaan yang menjual wafer coklat dan gula-gula buatan Malaysia ke pasaran Rusia.

Beliau mendapat peluang untuk menerokai pasaran Rusia melalui bantuan seorang pegawai Rusia yang dikenalnya di Singapura pada 1992.

Lapan tahun selepas menjalin hubungan dagang dengan Rusia, Tengku Ngah Putra dijemput ke Siberia dan ini membuka peluang kepada beliau untuk membabitkan diri dalam perusahaan memasang produk keluaran Nikom. --

BERNAMA

SS DIN SIA